

15/11/1997

Keganasan: Pendirian Malaysia jelas

DALAM pengalaman hubungan antarabangsa, pelbagai cara boleh dilakukan untuk memburukkan imej sesebuah negara di mata dunia. Salah satu cara paling berkesan ialah dengan melabel keburukan sesebuah negara dengan pelbagai gelaran yang membawa konotasi negatif. Dengan acap kali melabelkan sesebuah negara itu tidak demokratik, umpamanya, akan menyebabkan masyarakat antarabangsa percaya dengan kewujudan keadaan seperti itu di negara berkenaan. Apabila anggapan seperti ini menebal, proses demokrasi yang dilaksanakan di negara berkenaan sering dipersoalkan. Begitu juga dengan melabelkan sesebuah negara itu mengamalkan dasar perkauman, akan menyebabkan dunia cepat percaya dengan sesuatu keadaan itu, seolah-olah ia benar-benar wujud dengan mengkaitkan setiap yang berlaku mempunyai unsur-unsur perkauman. Malah, sesuatu kemalangan jalan raya yang membabitkan dua kaum yang berbeza, akan dikaitkan dengan masalah perkauman. Apatah lagi jika ia membabitkan masalah agama kerana sedar sentimen agama boleh mencetuskan konflik yang tidak berkesudahan. Propaganda seperti ini biasanya begitu berkesan sewaktu peperangan atau di sesebuah negara yang menghadapi masalah ekonomi.

Hari ini kita dapat melihat bagaimana sesetengah negara menderita akibat label negatif yang diberikan oleh pihak luar terhadap negara dan rakyat mereka. Dengan melabelkan negara atau rakyat sesebuah negara sebagai fundamentalis, fanatik, radikal, ekstremis agama dan beberapa dakwaan lain menyebabkan negara berkenaan begitu sukar untuk membuktikan keadaan sebenarnya. Anggapan ini diperkuatkan lagi apabila berlaku sesuatu kejadian yang mana segelintir rakyat melakukan tindakan nekad. Kita sendiri dapat saksikan di sesetengah negara ada golongan yang berani mati untuk melakukan sesuatu tindakan asalkan tugas mereka disempurnakan. Negara berkenaan terpaksa berusaha sendiri untuk membetulkan semula kepercayaan dunia tetapi proses ini mengambil masa yang terlalu panjang. Bagi sesetengah negara, gelaran buruk yang diberikan kepada mereka masih belum dapat dikikis. Kebanyakan mereka gagal berbuat demikian seolah-olah label untuk mereka itu sudah diberi pengiktirafan.

Gelaran seperti ini sebenarnya menjadi halangan kepada suasana pelaburan dan pembangunan di sesebuah negara itu. Ia menyebabkan pelabur asing bimbang untuk menanam modal atau mengadakan sebarang projek usaha sama. Oleh itu, negara seperti ini akan terus miskin dan tindakan penentangan mudah berlaku.

Kita tidak menuduh mana-mana pihak cuba menanamkan bibit yang tidak sihat di negara ini berikutan dakwaan yang mengatakan ada rakyat Amerika Syarikat (AS) yang tinggal di negara ini menerima ancaman bunuh menerusi telefon. Apa yang kita bimbangkan ada pihak yang cuba menanggung di air keruh. Dengan melihat pertikaian AS-Malaysia berikutan kecaman terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, golongan berkenaan melihatnya sebagai satu potensi konflik untuk menjejaskan imej Malaysia di mata dunia. Mungkin juga, pihak berkenaan mahu AS mengenakan hukuman terhadap Malaysia. Yang pasti, kita tidak merestui tindakan seperti itu dan secara terbuka mempersoalkan kewibawaan pemanggil itu. Beberapa kemungkinan boleh berlaku. Ia mungkin dilakukan oleh kumpulan tertentu atau tidak mustahil juga tindakan seperti ini dibuat secara terancang. Sekali pun benar ada pihak yang cuba berbuat demikian, ia pastinya tidak mewakili hasrat rakyat negara ini. Malaysia bukanlah negara yang menaja

pengganas atau menyokong mana-mana tindakan di luar undang-undang. Malah, pendirian kita dalam menangani masalah seperti ini adalah jelas. Kita tidak menerima sebarang unsur keganasan. Kita memberi jaminan bahawa demi menegakkan keamanan, pasukan keselamatan kitalah yang akan menjadi benteng terhadap keselamatan rakyat AS.

Kita ingin jelaskan bahawa perbuatan di luar perikemanusiaan tidak diterima di Malaysia. Kita tidak pernah mendidik atau melatih rakyat supaya menjadi pengganas. Sebaliknya, setiap rakyat ditanam dengan sifat yang mulia, bantu membantu dan bertolak ansur. Sistem pendidikan negara ini memberi penekanan kepada soal kesopanan dan berbudi bahasa.

Kita berharap rakyat AS menerima jaminan Dr Mahathir bahawa rakyat negara itu tidak perlu takut mengenai keselamatan mereka. Mereka juga tidak perlu bimbang dengan ugutan yang mengancam keselamatan mereka kerana segala langkah keselamatan akan diambil demi mewujudkan suasana aman di negara ini.

(END)